

23 OCT 1998

Mahathir-Jawatan

PERLUCUTAN JAWATAN ANWAR TELAH DIWARTA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perlucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kewangan telah disahkan melalui warta yang dikeluarkan atas titah perintah Yang di-Pertuan Agong.

Katanya, warta atas nama Akta Tugas-Tugas Menteri 1969 dan Perintah Menteri-Menteri Wilayah Persekutuan 1998 itu dikeluarkan pada 5 Sept lepas.

Ia ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Halim Ali, katanya kepada para pemberita selepas membentangkan ucapan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat, hari ini.

Perdana Menteri menjelaskan perkara itu setelah anggota DAP dari Jelutong Karpal Singh mendakwa bahawa Dr Mahathir tidak dilantik secara sah sebagai Menteri Kewangan kerana tiada warta mengenai perlucutan Anwar dan dengan itu, beliau (Dr Mahathir) tidak layak membentangkan Belanjawan berkenaan.

"Jelas memang ada gazetpun," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata dakwaan Karpal yang dibuat sejurus sebelum beliau membentangkan Belanjawan itu tidak berasas memandangkan beliau juga telah diisytiharkan sebagai Menteri Kewangan.

Beliau juga menjelaskan bahawa ucapan Belanjawan boleh dibuat oleh mana-mana Menteri dan tidak semestinya Menteri Kewangan.

"Dia saja nak kacau...Karpal tak tahu aturan peraturan mesyuarat," kata Dr Mahathir.

Terdahulu itu, semasa menjawab dakwaan Karpal di dalam dewan, Dr Mahathir berkata beliau telah menyampaikan keputusannya melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Katanya tiada apa-apa tentangan daripada Yang di-Pertuan Agong mengenainya ketika beliau menyampaikan keputusan itu.

"Yang di-Pertuan Agong menerimanya dan kemudian daripada itu senarai baru anggota kabinet diumumkan," katanya.

Karpal menyatakan jawatan Menteri Kewangan Pertama (disandang Dr Mahathir) dan Kedua (yang dipegang oleh Datuk Mustapa Mohamed) yang ada sekarang tidak sah kerana berpendapat Anwar, anggota Parlimen Permatang Pauh masih pemegang jawatan itu atas alasan beliau tidak meletak jawatan.

Karpal merujuk kepada Perkara 43 (5) Perlembagaan yang menetapkan bahawa "tertakluk kepada fasal 4, menteri-menteri yang lain daripada Perdana Menteri adalah memegang jawatan selama yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong melainkan jika pelantikan mana-mana menteri telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, tetapi mana-mana menteri boleh meletakkan jawatannya."

Karpal juga bertanya sama ada Yang di-Pertuan Agong telah membatalkan pelantikan Anwar dan keputusan pelucutan itu diwartakan.

"Saya telah sampaikan keputusan saya, sama ada menyampaikan itu satu nasihat atau tidak, itu terpulang kepada Yang Berhormat (Karpal). Tetapi pada pendapat saya, itu adalah nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong," kata Dr Mahathir.

Hujah Karpal mendapat tentangan anggota Parlimen penyokong kerajaan yang menganggap ia membuang masa Dewan dan mahukan pembentangan belanjawan dimulakan.

Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail ketika meminta Karpal menamatkan hujahnya berkata ia terpulang kepada keadaan dan pada fikiran beliau sama

ada diwartakan atau tidak, perkara itu tidak akan menjejaskan pembentangan belanjawan itu.

Anwar dilucutkan jawatan pada 2 Sept lepas dan dipecat dari Umno keesokannya. Beliau kini ditahan reman di Penjara Sungai Buloh sementara menunggu perbicaraan pada 2 Nov terhadap sebahagian daripada 10 tuduhan berhubung rasuah dan salah-laku seks.

-- BERNAMA

AZZ RAZ/NHD RON